

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKA 213 – Ketidaksamaan Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Kertas soalan peperiksaan ini terdiri daripada Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

Gunakan hanya ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini untuk menjawab semua soalan subjektif di Bahagian A dan C.

Gunakan kertas jawapan OMR untuk menjawab soalan objektif di Bahagian B.

Serahkan keseluruhan kertas soalan peperiksaan ini bersama jawapan tanpa menceraikan mana-mana bahagian.

BAHGLAN A (30 Markah)**SOALAN 1:** Huraikan maksud semua pernyataan atau konsep berikut.

- (a) Ketidaksamaan sosial tidak dapat dihindarkan

- (b) Masyarakat tanpa kelas

- (c) Pemberjuisan kelas bawahan

- (d) Ketidaksamaan sosial mempunyai fungsi

- (e) Polarisasi kelas yang bertentangan kepentingan ekonomi

- (f) Proletarianisasi

BAHAGIAN B (50 Markah)**SOALAN 2:**

Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan-soalan berikut dalam kertas jawapan OMR:

1. Pembahagian sosial yang menyebabkan pembentukan kumpulan-kumpulan sosial yang berkonflik serta lebih menguntungkan golongan yang memiliki sumber-sumber pengeluaran dalam masyarakat dipanggil:
 - A. Ketidaksamaan sosial
 - B. Stratifikasi sosial
 - C. Kemiskinan
 - D. Kelas sosial
 - E. Pembezaan sosial

2. Ketidaksamaan sosial boleh mempengaruhi kehidupan manusia dalam banyak hal. Dalam hal yang mana satu pengaruh ini mungkin tidak begitu ketara?
 - A. Kesihatan mental
 - B. Jangkaan masa hidup
 - C. Taraf pendidikan
 - D. Pemilikan harta
 - E. Kebebasan berfikir

3. Manakah di antara perkara-perkara berikut mungkin tidak begitu disedari orang dalam kehidupan harian mereka?
 - A. Sesetengah orang adalah lebih kaya dalam masyarakat
 - B. Sesetengah orang adalah lebih berkuasa dalam masyarakat
 - C. Kualiti kehidupan adalah berbeza di kalangan penduduk
 - D. Kuasa-kuasa sosial yang membentuk ketidaksamaan sosial
 - E. Sesetengah orang adalah lebih dihormati dalam masyarakat

4. Apakah rumusan yang paling baik dapat disebutkan berhubung dengan persoalan utama yang ingin dijawab oleh kajian tentang ketidaksamaan sosial?
 - A. Siapa yang berkuasa dan tidak berkuasa
 - B. Siapa yang kaya dan miskin dalam masyarakat
 - C. Siapa mendapat apa dan kenapa
 - D. Siapa yang memiliki status tinggi dan rendah
 - E. B dan C

5. Sistem ketidaksamaan dalam masyarakat yang memberi peluang yang luas untuk mengumpul kekayaan dan telah mewujudkan pembentukan kelas-kelas ekonomi yang menikmati peluang hidup yang berbeza di kalangan anggota masyarakat dipanggil sebagai masyarakat yang mengamalkan sistem:
- A. Kasta
 - B. Status
 - C. Egalitarian
 - D. Ekonomi bebas
 - E. Kelas
6. Dalam masyarakat tertentu ciri-ciri biologi digunakan untuk mengagihkan tugas yang berbeza. Konsep manakah yang biasa digunakan untuk menghuraikan keadaan sedemikian.
- A. Perbezaan semula jadi
 - B. Pembedaan sosial
 - C. Stratifikasi sosial
 - D. Ketidaksamaan sosial
 - E. A dan C
7. Ketidaksamaan sosial boleh terbentuk akibat sebab-sebab berikut kecuali:
- A. Kedudukan sosial dinilai mengikut kepentingan
 - B. Peranan sosial yang sama diberikan ganjaran yang berbeza
 - C. Kedudukan sosial disusun secara berhierarki
 - D. Peranan sosial yang dipandang tinggi diberikan ganjaran yang lebih
 - E. Semua di atas
8. Manakah di antara persoalan berikut relevan kepada kajian ketidaksamaan sosial?
- A. Bagaimana bakat dan motivasi yang rendah di kalangan sesetengah orang boleh terbentuk
 - B. Bagaimana kecerdasan, aspirasi yang tinggi di kalangan sesetengah orang boleh terbentuk
 - C. Mengapa latar belakang sosial sesetengah orang berbeza
 - D. Mengapa sesetengah orang memiliki kedudukan status yang lebih tinggi
 - E. Semua di atas

9. Mereka yang memiliki pengaruh ke atas orang lain biasanya adalah terdiri daripada mereka yang lebih banyak memiliki sumber pengeluaran. Ini adalah pandangan golongan:
- A. Fungsionalis
 - B. Miskin
 - C. Marxis
 - D. Kapitalis
 - E. Menengah
10. Manakah di antara faktor berikut boleh dikatakan sebagai faktor umum dalam pembentukan ketidaksamaan berasaskan jantina, etnik dan umur ?
- A. Faktor kelas
 - B. Faktor pencapaian
 - C. Faktor kuasa
 - D. Faktor kekayaan
 - E. Faktor warisan
11. Golongan yang sebenarnya berkuasa dalam mana juga masyarakat menurut Karl Marx adalah terdiri daripada:
- A. Pemerintah
 - B. Persatuan Pekerja
 - C. Parlimen
 - D. Kapitalis
 - E. Peniaga kecil
12. Max Weber menolak pandangan Karl Marx dalam hal berikut.
- A. Pembentukan kelas pekerja dalam masyarakat
 - B. Bilangan kelas ekonomi yang terbentuk
 - C. Ekonomi sebagai asas ketidaksamaan sosial
 - D. Peranan Birokrasi
 - E. Pembentukan kelas sosial

13. Menurut C. Wright Mills, tiga golongan yang memiliki kuasa sebenar dalam masyarakat seperti Amerika Syarikat adalah terdiri daripada:
- A. Ahli sains, pemimpin kesatuan pekerja dan pemimpin tentera
 - B. Pemimpin politik, pemimpin perniagaan, pemimpin tentera
 - C. Pemimpin tentera, pemimpin politik dan pemimpin agama
 - D. Pemimpin agama, ahli sains dan golongan ikhtisas
 - E. Semua di atas
14. Berbeza daripada pandangan Karl Marx, Pareto dan Mosca membincangkan ketidaksamaan sosial dari sudut:
- A. Kemunculan golongan elit
 - B. Kuasa golongan pemimpin
 - C. Kedudukan dominan golongan berkuasa
 - D. A dan C
 - E. A, B dan C
15. Teori pluralisme menegaskan tentang:
- A. Agihan kuasa dalam masyarakat
 - B. Agihan kuasa yang seimbang dalam masyarakat
 - C. Persaingan antara kumpulan untuk memiliki kuasa
 - D. Kuasa memilih pemimpin di kalangan rakyat
 - E. Semua di atas
16. Manakah di antara berikut boleh mempengaruhi pengagihan kedudukan status dalam masyarakat?
- A. Etnik
 - B. Jantina
 - C. Umur
 - D. Pendidikan
 - E. Semua di atas
17. Keruntuhan pemerintahan komunis Soviet Union menimbulkan keraguan tentang:
- A. Ketepatan ramalan Karl Marx tentang perubahan sosial dalam masyarakat
 - B. Keluasan perbezaan taraf hidup di antara negara kaya dan negara miskin
 - C. Keupayaan teori konflik menjelaskan ketidaksamaan sosial di Soviet Union
 - D. Peranan golongan elit kuasa dalam masyarakat komunis
 - E. Keupayaan ketenteraan kuasa besar negara komunis seperti Soviet Union

18. Penghuraian Max Weber tentang ketidaksamaan sosial boleh dikaitkan dengan perkara-perkara berikut kecuali:
- A. Kuasa, status dan kelas
 - B. Analisis stratifikasi
 - C. Pendekatan pelbagai dimensi
 - D. Pendekatan satu dimensi
 - E. B & C
19. Teori kelas Karl Mark lebih menumpukan kepada pembentukan ketidaksamaan dalam masyarakat berikut kecuali:
- A. Masyarakat industri
 - B. Masyarakat moden
 - C. Masyarakat pra-kapitalis
 - D. Masyarakat kapitalis
 - E. C & D
20. Sistem nilai dalam masyarakat kapitalis pada umumnya:
- A. Mementingkan pemerintahan golongan orang tua
 - B. Mengutamakan peranan golongan pelabur
 - C. Mementingkan pencapaian dalam pendidikan
 - D. Mementingkan warisan status sosial
 - E. B dan C
21. Manakah di antara berikut bukan unsur utama dalam sistem perhambaan?
- A. Pemilikan tanah
 - B. Petani
 - C. Kekayaan
 - D. Undang-undang
 - E. A, B & C
22. Satu bentuk organisasi sosial yang mengutamakan dominasi golongan lelaki ke atas golongan wanita dikenali sebagai:
- A. Patriarki
 - B. Genderisme
 - C. Seksisme
 - D. Matriarki
 - E. Diskriminasi jantina

23. Hirarki status dalam masyarakat maju seperti Amerika Syarikat lebih bergantung kepada:
- A. Warisan
 - B. Kuasa
 - C. Tempat tinggal
 - D. Status keluarga
 - E. Pekerjaan
24. Pernyataan yang menegaskan bahawa perlu ada sistem dalam masyarakat untuk mendorong individu berusaha mencapai kedudukan-kedudukan sosial yang penting seperti doktor dan pengurus adalah penegasan yang dikemukakan oleh:
- A. Teori fungsionalis
 - B. Teori ganjaran relatif
 - C. Teori agihan adil
 - D. Teori konflik
 - E. Teori dorongan mobiliti
25. Dalam kajian ketidaksamaan, konsep masyarakat terbuka adalah merujuk kepada keadaan masyarakat bila:
- A. Pencapaian tidak menentukan kedudukan atau ganjaran seseorang individu
 - B. Mobiliti sosial dalam masyarakat mudah berlaku
 - C. Faktor pencapaian menentukan kedudukan sosial seseorang individu
 - D. Masyarakat maju
 - E. B & C
26. Manakah di antara berikut termasuk dalam jenayah kolar-putih?
- A. Pelacuran di kalangan anggota kelas kapitalis
 - B. Penipuan akaun bank oleh anggota kelas bawahan
 - C. Penentangan dasar kapitalis kerajaan oleh golongan kelas menengah
 - D. Golongan eksekutif mengingkari peraturan melarang pembuangan bahan racun
 - E. Pembuangan pekerja oleh majikan

27. Analisis Max Weber tentang pembentukan kelas:
- A. Menunjukkan bahawa kelas-kelas yang terbentuk dalam masyarakat industri dapat dibezakan dengan nyata.yang berbeza
 - B. Menunjukkan pembentukan kelas dalam masyarakat industri kapitalis adalah lebih kompleks daripada yang dijangkakan oleh Karl Marx
 - C. Menunjukkan bahawa pembentukan kesedaran kelas di kalangan kelas menengah adalah lebih kuat daripada kelas-kelas lain
 - D. Menunjukkan kelas yang paling kuat kuasa dalam masyarakat industri kapitalis adalah kelas menengah atasan
 - E. Menunjukkan masyarakat industri kapitalis akan berubah menjadi masyarakat pasca moden akibat perkembangan kelas menengah
28. Manakah di antara pernyataan berikut adalah benar tentang ketidaksamaan kelas?
- A. Ketidaksamaan kelas secara umumnya dilihat sebagai fenomena masyarakat tradisional.
 - B. Ketidaksamaan kelas adalah pembahagian kekayaan yang luas di kalangan masyarakat pertanian
 - C. Ketidaksamaan kelas muncul sebagai dimensi ketidaksamaan utama dalam masyarakat industri
 - D. Agihan sumber-sumber ekonomi atau kebendaan tidaklah merupakan asas utama kepada ketidaksamaan kelas
 - E. C dan D
29. Manakah di antara pernyataan berikut benar tentang ketidaksamaan sosial?
- A. Individu yang memiliki pekerjaan yang sama biasanya dilihat sebagai membentuk kelas sosial.
 - B. Pada umumnya kelas menengah adalah kelas yang mudah dikenal pasti dibandingkan dengan kelas-kelas atasan dan bawahan.
 - C. Gaya hidup pada umumnya dipengaruhi oleh kedudukan kelas yang dialami.
 - D. Pembentukan kelas atasan seperti yang diramalkan oleh Karl Marx tidak terjadi dalam masyarakat industri sosialis
 - E. Anggota kumpulan kelas yang sama pada umumnya tidak akan memperlihatkan perkongsian nilai, gaya dan taraf hidup

30. Hubungan ketidaksamaan di antara kumpulan-kumpulan majoriti dan minoriti biasanya menyentuh perbincangan mengenai:
- A. Ketidaksamaan kelas atasan dan bawahan
 - B. Ketidaksamaan kuasa antara rakyat dan pemerintah
 - C. Ketidaksamaan etnik antara kumpulan dominan dan tidak berkuasa
 - D. Ketidaksamaan kasta di antara Brahmin dan Sudra
 - E. Ketidaksamaan status di antara pemilik hamba dan hamba
31. Pernyataan yang menegaskan bahawa orang miskin di Malaysia tidaklah miskin di India, tetapi mereka miskin di sini kerana mereka mengalami kekurangan sumber-sumber secara berbanding adalah menegaskan kewujudan:
- A. Perbezaan kemiskinan relatif
 - B. Budaya kemiskinan relatif
 - C. Kemiskinan mutlak
 - D. Kemiskinan relatif
 - E. Kemiskinan relatif budaya
32. Manakah di antara konsep berikut digunakan dalam penghuraian tentang ketidaksamaan wilayah?
- A. Negara Kaya
 - B. Negara Pinggir
 - C. Dunia Pertama
 - D. Negara Metropolis
 - E. Semua di atas
33. Manakah di antara pernyataan berikut benar?
- A. Max Weber mengemukakan model ketidaksamaan satu dimensi
 - B. Pengalaman negara maju menunjukkan mobiliti sosial dari kelas kolar biru ke kelas atasan adalah kerap terjadi.
 - C. Stratifikasi sosial merujuk kepada penginstitusian struktur ketidaksamaan sosial
 - D. Kekayaan adalah merujuk kepada pendapatan yang diterima oleh individu
 - E. Kekurangan berbanding terjadi apabila pola penggunaan kelas menengah jauh berbeza daripada pola penggunaan kelas atasan

- 34 Perbezaan di antara kumpulan-kumpulan sosial tidak semestinya bersifat ketidaksamaan jika perbezaan tersebut tidak melibatkan hubungan:
- A. Penyusunan taraf yang berbeza
 - B. Hubungan penindasan
 - C. Hubungan tidak adil
 - D. Penyusunan kepentingan pekerjaan yang berbeza
 - E. Semua di atas
35. Max Weber mengutarakan teori ketidaksamaan sosial yang menunjukkan:
- A. Pemisahan yang jelas di antara konsep-konsep kelas, status dan kuasa
 - B. Kelas, Kuasa dan Status sebagai sumber-sumber ketidaksamaan sosial yang tersendiri
 - C. Penumpuan terhadap kelas sebagai kedudukan yang ditentukan oleh faktor ekonomi
 - D. Penumpuan terhadap kelas sebagai sebab yang paling asas dalam pembentukan ketidaksamaan dalam masyarakat demokrasi di barat
 - E. Semua di atas
36. Sistem *apartheid*:
- A. Adalah satu sistem perhambaan di zaman penjajahan
 - B. Merujuk kepada sistem ketidaksamaan ras di Afrika Selatan
 - C. Merujuk kepada sistem ketidaksamaan berasaskan undang-undang
 - D. Adalah sistem pengagihan kekayaan dalam sistem ketidaksamaan estet
 - E. B dan C
37. Kebelakangan ini istilah *empat negara harimau* (four tigers) digunakan untuk merujuk kepada:
- A. Amerika Syarikat, Canada, Britain dan Jepun
 - B. Empat negara di Asia yang cuba mencontohi negara Jepun
 - C. Cina, India, Singapura dan Thailand
 - D. Empat negara membangun yang paling maju
 - E. Empat negara Dunia Pertama
38. Sistem ketidaksamaan yang manakah memperlihatkan ciri-ciri berikut:
- i. Amalan endogami
 - ii. Berasaskan kelahiran
 - iii. Kedudukan status sama sepanjang hayat
 - iv. Berasaskan kepercayaan keagamaan

- A. Sistem stratifikasi
 - B. Sistem estet
 - C. Sistem kasta
 - D. Sistem kelas
 - E. Sistem perhamaan
39. Pekerjaan tradisional yang diwarisi oleh kasta vaishya dalam sistem kasta adalah sebagai:
- A. Pedagang
 - B. Pahlawan
 - C. Buruh
 - D. Bangsawan
 - E. Pemilik tanah
40. Manakah di antara pengalaman hidup kumpulan minoriti etnik lebih utama kepada pengkaji ketidaksamaan?
- A. Warisan keturunan
 - B. Masalah diskriminasi
 - C. Masalah prasangka
 - D. Perpaduan etnik
 - E. B dan C
41. Teori kelas Karl Marx telah mengabaikan pembentukan _____ dalam masyarakat industri kapitalis.
- A. Kelas kolar biru
 - B. Kelas golongan berkemahiran
 - C. Kelas elit
 - D. Kelas menengah
 - E. Kelas menengah atas
42. Dalam sistem _____ semua masyarakat dunia memiliki kedudukan yang berbeza kerana memiliki sumber-sumber kekayaan dan kuasa dan taraf hidup di kalangan rakyat yang berbeza.
- A. Ketidaksamaan kekayaan dunia
 - B. Ketidaksamaan kuasa dunia
 - C. Ketidaksamaan global
 - D. Ketidaksamaan perdagangan dunia
 - E. A, B dan C

43. Manakah di antara kumpulan sosial berikut tidak dapat dikaitkan dengan sistem ketidaksamaan estet?
- A. Rakyat biasa
 - B. Paderi
 - C. Bangsawan
 - D. Hamba
 - E. Petani
44. Istilah yang digunakan untuk merujuk kepada perubahan kedudukan kelas yang dialami oleh individu dalam masyarakat kapitalis ialah:
- A. Mobiliti sosial kelas kapitalis
 - B. Mobiliti sosial mendatar
 - C. Mobiliti sosial ke bawah
 - D. Mobiliti sosial
 - E. Mobiliti sosial ke atas
45. Dunia Ketiga sebagai negara-negara yang menduduki kedudukan kelas bawahan dalam sistem ketidaksamaan antarabangsa adalah pandangan menurut:
- A. Teori Masyarakat Pinggiran
 - B. Teori Dunia Ketiga
 - C. Teori Kemunduran
 - D. Teori Sistem Dunia
 - E. Teori Pergantungan
46. Dalam menguraikan ketidaksamaan sosial di antara kelas, konsep gaya hidup digunakan untuk merujuk kepada:
- A. Sesetengah kesan perbezaan kelas
 - B. Keupayaan memiliki sumber-sumber berharga
 - C. Cita rasa dan kecenderungan cara hidup
 - D. Cara hidup mewah golongan kaya
 - E. Pola penggunaan yang berbeza

47. Penegasan bahawa kemiskinan dan masalah kemunduran negara Dunia Ketiga dapat diatasi jika negara-negara ini dapat mencontohi masyarakat maju dapat adalah pandangan yang kemungkinan besar dipengaruhi oleh teori _____
- A. Pembangunan
B. Modernisasi
C. Perindustrian
D. Kapitalisme
E. Budaya maju
48. Konsep yang merujuk kepada proses yang meneruskan kedudukan kelas dalam masyarakat.
- A. Teori Sistem Dunia
B. Budaya kemiskinan
C. *Underclass*
D. Kemiskinan relatif
E. *Social reproduction of class*
49. Manakah di antara pilihan jawapan di bawah dikaitkan dengan Immanuel Wallerstein?
- A. *Decommodification*
B. *World System Theory*
C. *Contradictory class locations*
D. *Neocolonialism*
E. *False consciousness*
50. Manakah di antara pilihan jawapan di bawah dikaitkan dengan Oscar Lewis?
- A. Budaya kemiskinan
B. *Underclass*
C. Mobiliti sosial
D. Elite kuasa
E. *Embourgeoisement*

BAHAGIAN C (20 Markah)**SOALAN 3**

Pilih satu soalan sahaja untuk dijawab. Gunakan ruang yang disediakan di bahagian akhir kertas soalan ini.

- (a) Bandingkan teori ketidaksamaan sosial Karl Marx dengan teori Max Weber. Dari segi apakah teori-teori ini memperlihatkan kelebihan masing-masing?

ATAU

- (b) Bincangkan faktor-faktor yang membolehkan ketidaksamaan sosial berterusan dalam masyarakat.

ATAU

- (c) Huraikan maksud ‘percanggahan kedudukan kelas’ (*contradictory class locations*) dengan merujuk kepada contoh-contoh kategori pekerjaan yang mengalami kedudukan sedemikian.

Angka Giliran: _____

[JKA 213]

- 18 -

No. Soalan:

Angka Giliran: _____

[JKA 213]

- 19 -

Angka Giliran: _____

[JKA 213]

- 20 -

Angka Giliran: _____

[JKA 213]

- 21 -